

05/11/2003

Rumpun Melayu rasai ketiadaan Dr Mahathir

Othman Mamat

DALAM diam, rupa-rupanya orang Melayu Singapura amat menyayangi dan menyanjung Tun Dr Mahathir Mohamad. Mereka memuji kehebatan bekas Perdana

Menteri itu dan berkongsi perasaan hiba dengan seluruh rakyat Malaysia, berikutan persaraan pemimpin besar bertaraf dunia itu.

Walhal, kalau nak dikira, Dr Mahathir adalah pemimpin tertinggi Malaysia

yang paling banyak mengkritik Singapura dalam pelbagai isu kepentingan bersama. Belek saja surat khabar lama, kita pasti dapat lihat pelbagai isu

membabitkan Singapura, menjadi tumpuan ketika zaman pemerintahan Dr Mahathir.

Daripada isu bekalan air, penyeludupan pasir laut, perebutan hak milik Pulau Batu Putih sehinggalah isu penambakan laut di Singapura, semuanya diperdebat pada era Dr Mahathir. Sampai naik pening Kerajaan Singapura hendak menangkisnya.

Suasana 'perang' terasa sekali di antara dua negara berjiran itu apabila

Dr Mahathir mengarahkan pembinaan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang sekali gus memberi saingan kepada Pelabuhan Singapura.

Bagi pemimpin Singapura, Dr Mahathir ternyata seorang yang 'keras kepala' apabila mengarahkan pembinaan Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) merangkumi Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) diteruskan bagi

menggantikan Tambak Johor.

Keputusan itu dibuat Dr Mahathir selepas Perdana Menteri Singapura, Goh

Chok Tong, meminta projek mega itu ditangguhkan dengan alasan 'nostalgianya' terhadap Tambak Johor.

Namun, segala tindak-tanduk dan keputusan berani Dr Mahathir itu ternyata tidak sedikit pun menyakitkan, apatah lagi melukakan hati kaum minoriti di Singapura. Malah, Melayu Singapura (terutama Melayu Muslim) secara diam memberikan sokongan padu kepada Dr Mahathir.

Ini terbukti berdasarkan pengakuan beberapa warga Melayu Singapura kepada penulis ketika memberi reaksi terhadap persaraan Dr Mahathir, Jumaat lalu. Mereka ternyata turut merasai kehilangan pemimpin bergelar wira Melayu itu.

Seorang pegawai perkapalan yang hanya dikenali sebagai Raz, berkata: "Kami sedih dengan persaraan Dr Mahathir. Beliau sebenarnya idola kami, warga Melayu yang menjadi kaum minoriti di Singapura.

"Dr Mahathir sememangnya seorang pemimpin Islam yang berwibawa, rakyat Malaysia bertuah mendapatnya. Beliau berani, tegas, berpendirian teguh dan lantang menegak kebenaran.

"Walaupun berada di seberang Tambak (Johor), kami sebenarnya menganggap

dia (Dr Mahathir) pemimpin kami, dan kami menyanjunginya dan turut terasa

kehilangannya."

Ditanya pengalaman manis ketika di Malaysia, Raz berkata: "Saya jatuh cinta dengan keindahan Putrajaya. Kalau boleh saya mahu menetap di sana. Ia benar-benar cantik, hebat dan memaparkan ketajaman pemikiran Dr Mahathir.

Keharuman nama Dr Mahathir menjalar melewati Selat Singapura sampai ke Riau, Indonesia. Di Pulau Batam misalnya, akhbar tempatan di sana memuatkan berita kehebatan Dr Mahathir di halaman depannya, selama beberapa hari berturut-turut menjelang 31 Oktober lalu.

Malah, ruangan redaksi (minda pengarang) akhbar arus perdana di pulau peranginan itu, beberapa kali mengulas tindakan berani Dr Mahathir menyuarakan kritikan terhadap kuasa besar dunia. Ini termasuk isu kritikan

terhadap Yahudi yang diputarbelitkan media Barat.

Hampir semua akhbar di Riau memuji keberanian Dr Mahathir dan menyanjunginya sebagai pahlawan dunia Melayu dan dunia Islam. Batam Pos, akhbar terbesar pengedarannya di Pulau Batam, misalnya dengan sengaja mengimbas detik pilu pada Persidangan Pemimpin Asean IX di Bali, Indonesia, awal Oktober lalu, untuk menggambarkan betapa sayangnya rantau ini kepada Dr Mahathir.

Menurut sidang pengarang Batam Pos, pada saat Dr Mahathir menyampaikan ucapan selamat tinggal kepada Asean, Presiden Megawati Sukarnoputri tidak berupaya lagi menahan perasaan sedihnya, sehinggakan menitis air mata. Ketika menyampaikan ucapan selamat meneruskan perjuangan kepada Dr Mahathir pula, Megawati begitu sebak dan beberapa kali dilihat mengusap air mata di pipinya.

Dalam suara tersekat-sekat, Megawati dengan penuh ikhlas berkata: "Bapak

(Dr Mahathir) selalu ada di hati pemimpin Asean," sambil menambah, pemikiran dan keputusan Dr Mahathir selalu menjadi pemikiran yang matang bagi pemimpin Asia Tenggara untuk diterapkan.